



02 NOV, 2021

Malaysia sedia hasil vaksin berkualiti pelbagai penyakit

Berita Harian, Malaysia





02 NOV, 2021

Malaysia sedia hasil vaksin berkualiti pelbagai penyakit

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 3

Malaysia sedia hasil vaksin berkualiti pelbagai penyakit

Pelaksanaan PPVN mampu lahirkan ramai pakar penyelidikan kesihatan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kajang: Pelaksanaan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) dan penubuhan Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI) mampu melahirkan pakar pelbagai bidang penyelidikan terutamanya berkaitan kesihatan serta vaksin, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, ia sekali gus dapat menjana lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan jumlah tenaga pekerja mahir dalam Keluarga Malaysia, seterusnya membantu meningkatkan taraf hidup serta kesihatan rakyat.

"Walaupun pembangunan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penghasilan vaksin ini adalah pelaburan yang tinggi, ia berpotensi memberikan pulangan jangka panjang buat Keluarga Malaysia melalui penjimatan kos merawat penyakit, selain membawa pelaburan syarikat multinasional ke Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara serta Institut Genom dan Vaksin Malaysia, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba; Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Menerusi PPVN, Perdana Menteri berkata, ia tidak akan tertumpu hanya pada pembangunan vaksin COVID-19 semata-mata, sebaliknya diperluaskan juga kepada penghasilan vaksin penyakit lain seperti pembangunan vaksin untuk kanser kepala dan leher oleh Pusat Penyelidikan Kanser.

"Melalui kajian pelan pembangunan vaksin oleh Majlis Sains Negara, pelan ini dilaksanakan secara bersama oleh MOSTI (Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi) dan KKM (Kementerian Kesihatan).

"Melalui kajian ini, kerajaan



Ismail Sabri berucap melancarkan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara serta Institut Genom dan Vaksin Malaysia, di Bangi, semalam.
(Foto Azhar Ramli /BH)

Apabila Malaysia memperkukuhkan sekuriti kesihatan negara, ini membolehkan kita mengurangkan kebergantungan terhadap negara pengeluar vaksin

Ismail Sabri Yaakob,
Perdana Menteri

bersetuju MOSTI memberi fokus terhadap pembangunan dan penyelidikan vaksin tempatan. Saya percaya, rangka kerja ini akan membantu mengukuhkan keupayaan Malaysia secara berperingkat dalam usaha pengkomersialan vaksin tempatan dan seterusnya menyumbang kepada industri bioteknologi, pembangunan modal insan dan bioekonomi negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, sejak Mac tahun lalu, Keluarga Malaysia diuji dengan pandemik COVID-19 dan mengharungi bersama tempoh getir itu sebagai sebuah keluarga dengan saling membantu.

"Apabila Malaysia memperkukuhkan sekuriti kesihatan nega-

ra, ini membolehkan kita mengurangkan kebergantungan terhadap negara pengeluar vaksin," katanya.

Ismail Sabri berkata, usaha penghasilan vaksin tempatan yang berkualiti, berkesan dan selamat mengikut syarat ditetapkan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), diyakini berupaya mengangkat negara menjadi hab pengeluar vaksin, selain dapat meningkatkan keyakinan terhadap penggunaan vaksin.

Sebagai langkah awal ke arah itu, beliau berkongsi tiga projek bersedia untuk dilaksanakan melalui PPVN iaitu dua jenis vaksin COVID-19 menggunakan virus yang dilemahkan (*inactivated*) dan mRNA yang dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).

"Pembangunan vaksin itu akan tertumpu kepada *Variant of Concern* (VOC) COVID-19 yang ada di Malaysia.

"Kedua, vaksin kolera dibangunkan hasil kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (AIMST).

"Ketiga, Projek *Pre-clinical Evaluation of A Therapeutic Cancer Vaccine for The Treatment of Head and Neck Cancer* oleh *Cancer Research Malaysia* (CRM) yang akan menjalankan ujian klinikal bermula Februari 2022 sehingga Mac 2023 di United Kingdom (UK)," katanya.



02 NOV, 2021

Malaysia sedia hasil vaksin berkualiti pelbagai penyakit

Berita Harian, Malaysia



SUMMARIES

Penubuhan Institut Genom dan Vaksin Malaysia mampu lahirkan pakar vaksin tempatan Nasional 2

Pelaksanaan PPVN mampu lahirkan ramai pakar penyelidikan kesihatan

Kajang: Pelaksanaan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) dan penubuhan Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI) mampu melahirkan pakar pelbagai bidang penyelidikan terutamanya berkaitan kesihatan serta vaksin, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.